

NO. KAD PENGENALAN

							-										
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3767/2

EKONOMI

Kertas 2

2 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.

3767/2

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

Pak Ali adalah sumber ekonomi yang menjalankan perniagaan restoran.

- (i) Nyatakan sumber ekonomi tersebut.

.....
[1 markah]

- (ii) Jelaskan sumber ekonomi di 1(a)(i).

.....
[3 markah]


- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

Individu dan swasta tidak berkuasa langsung dalam menentukan aktiviti ekonomi.

Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi negara tersebut.

.....
[6 markah]

(c) Rajah 1 berkaitan dengan keseimbangan pasaran bagi baju.




Rajah 1

Jelaskan keseimbangan pasaran tersebut.

[illegible]

[6 markah]

- (d) Rajah 2 menunjukkan bentuk keluk permintaan bagi barang A.



Rajah 2

Jelaskan strategi firma untuk meningkatkan jumlah hasil barang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Gambar 1 berkaitan dengan sektor ekonomi.



Gambar 1

Jelaskan kepentingan sektor ekonomi tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan.

Syarikat Wawasan Sdn. Bhd.	Syarikat Elit Sdn. Bhd.
- Jawatan: Kerani - Gaji: RM2 300 sebulan - Pengalaman: Minimum 3 bulan - Lokasi: Ipoh, Perak - Cuti tahunan: 20 hari setahun - Perubatan percuma	- Jawatan: Kerani - Gaji: RM2 000 sebulan - Pengalaman: Tidak perlu - Lokasi: Seremban, Negeri Sembilan - Cuti tahunan: 24 hari setahun - Elaun sewa rumah diberikan

Cik Syafiqah menetap di Shah Alam, Selangor.

Mengapakah Cik Syafiqah memilih untuk bekerja di Syarikat Elit Sdn. Bhd.?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna.

Gaji Progresif Jadikan Malaysia Negara Pendapatan Tinggi

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif merupakan sistem penggajian lebih adil bagi membolehkan upah semua kategori pekerja formal meningkat pada kadar lebih tinggi seiring peningkatan produktiviti golongan itu.

Sumber diubah suai: *www.bharian.com*, 13 Ogos 2023

Bagaimanakah maklumat tersebut mempengaruhi corak perbelanjaan pekerja?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Maklumat 1 dan Maklumat 2 berkaitan dengan strategi pelaburan.

GOLD ACCUMULATION PROGRAM (24K) RM201 = 1.0000 gram	GOLD ACCUMULATION PROGRAM (24K) RM270 = 1.0000 gram	PENGAGIHAN PENDAPATAN TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 DANA HARGA TETAP  JUMLAH PENGAGIHAN 5.25 sen seunit Meliputi Pengagihan Pendapatan 4.25 sen seunit dan Bonus 1.00 sen seunit	
 		Maklumat 1 Maklumat 2	

Bezakan strategi pelaburan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]



- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan.

KUALA KANGSAR - Seorang pemborong dikenakan tindakan selepas mengaku bersalah menjual ayam standard melebihi harga kawalan. Penjual itu didakwa menjual pada harga RM8.90 sekilogram melebihi harga borong maksimum RM8.10 sekilogram.

Sumber diubah suai:

<https://www.sinarharian.com.my/article/655323/berita/semasa, 19 Mac 2024>

- (i) Tindakan kerajaan tersebut berkaitan dengan satu peranan kerajaan.
Apakah peranan kerajaan tersebut?

.....
[1 markah]

- (ii) Bagaimanakah kerajaan melaksanakan peranan di 3(a)(i)?

.....
[4 markah]

- (b) Maklumat 3 dan Maklumat 4 berkaitan dengan alat dasar ekonomi.

Kadar rizab berkanun dinaikkan

Maklumat 3

Perbelanjaan kerajaan dinaikkan

Maklumat 4

Bandingkan alat dasar kerajaan dalam Maklumat 3 dan Maklumat 4.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan satu perjanjian perdagangan.

BANGKOK: Jumlah perdagangan Malaysia dengan Thailand melalui perjanjian perdagangan dua negara terus mencatatkan prestasi cemerlang dan mencecah RM112.42 bilion. Eksport ke Thailand naik 28.4 peratus dan import dari Thailand meningkat sebanyak 26.2 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

Sumber diubah suai: <https://www.astroawani.com>, 12 Januari 2023

Jelaskan kebaikan perjanjian perdagangan tersebut terhadap kerajaan Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Jelaskan faktor yang mempengaruhi penawaran Ringgit Malaysia (RM).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan sahaja di bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah pilihan bagi individu.

Makan gaji atau berniaga, mana lebih baik?

Baik bekerja sendiri mahupun bekerja dengan orang lain, kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Hakikatnya, dalam apa pekerjaan sekalipun, ia akan mempunyai risikonya yang tersendiri. Kita perlu menganalisis kedudukan kewangan sebelum membuat keputusan yang besar. Keputusan yang melibatkan pilihan sama ada untuk berhenti bekerja atau berhenti berniaga.

Sumber diubah suai: *akpk.org.my*, 01 Disember 2022

- (a) Pilihan yang dibuat oleh individu mempunyai implikasinya. Jelaskan. [5 markah]
- (b) (i) Pilihan manakah yang boleh mempengaruhi guna tenaga dalam negara? [1 markah]
- (ii) Jelaskan jawapan anda di 4(b)(i). [5 markah]
- (c) Anda telah membuat satu keputusan daripada dua pilihan tersebut. Jelaskan kebaikan pilihan anda secara terperinci. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah kerajaan terhadap masalah bankrap.

Dasar Peluang Kedua sasar pelepasan 130 000 orang bankrap

PUTRAJAYA - Dasar Peluang Kedua menyasarkan pelepasan sehingga 130 000 orang bankrap bagi tempoh setahun berikutan Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 (A1695) dikuat kuasa bermula hari ini. Pindaan utama adalah berhubung dengan penambahbaikan peruntukan pelepasan bankrap. Penguatkuasaan Akta A1695 ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan tiada golongan rakyat yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

Sumber diubah suai: *sinarharian.com.my*, 05 Oktober 2023

- (a) Langkah tersebut dapat memastikan individu bankrap tidak tercicir daripada arus pembangunan negara. Beri penjelasan anda. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah 130 000 orang tersebut boleh terjebak dalam masalah bankrap? [6 markah]
- (c) Cadangkan dasar kewangan yang boleh mengurangkan masalah tersebut. Huraikan secara terperinci. [9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis cukai dalam Belanjawan 2024.

Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) diperkenal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan menggubal perundangan baharu bagi melaksanakan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) pada kadar lima peratus hingga 10 peratus. Ia akan dikenakan ke atas barang bernilai tinggi tertentu seperti barang kemas dan jam tangan berdasarkan nilai minimum harga barangan. Hasil cukai ini membolehkan golongan berkemampuan tinggi menyumbang kembali kepada pembangunan negara. Cukai ini juga tidak akan memberi bebanan tambahan kepada majoriti rakyat.

Sumber diubah suai: *bharian.com.my*, 15 Oktober 2023

- (a) Jelaskan jenis cukai yang mengalami perubahan dalam Belanjawan 2024. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah hasil cukai tersebut boleh menyumbang kepada pembangunan negara? Jelaskan jawapan anda. [9 markah]
- (c) Pelaksanaan cukai ini tidak akan memberi bebanan tambahan kepada majoriti rakyat. Anda bersetuju dengan pernyataan tersebut. Beri alasan. [5 markah]

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan industri semikonduktor di Malaysia.

Texas Instruments bina dua kilang baharu, pelaburan RM14.6 bilion

PETALING JAYA: Pembuat cip terkemuka global, Texas Instruments mengumumkan rancangan untuk mengembangkan aktiviti pengeluarannya di Malaysia. Ia dilaksanakan menerusi dua kilang pemasangan dan ujian baharu di Kuala Lumpur dan Melaka. Rancangan Texas Instruments tersebut membuktikan Malaysia mempunyai tempat dalam pasaran dan bekalan semikonduktor global. Kerajaan yakin banyak manfaatnya jika lebih banyak syarikat konglomerat melabur di sini dan mengembangkan perniagaan mereka.

Sumber diubah suai: *Berita Harian online*, 13 Jun 2023

- (a) Mengapakah Malaysia dipilih oleh Texas Instruments untuk mengembangkan aktiviti pengeluarannya? [4 markah]
- (b) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan kesan perkembangan tersebut terhadap pasaran cip semikonduktor global. [7 markah]
- (c) Kerajaan yakin banyak manfaatnya jika lebih banyak syarikat konglomerat melabur di sini dan mengembangkan perniagaan mereka. Bincangkan. [9 markah]